


ASAL-USUL NEGERI-NEGERI DI MALAYSIA



ASAL-USUL NEGERI-NEGERI DI MALAYSIA

Zakiah Hanum

Gambar-gambar foto di halaman-halaman 2 adalah ihsan The Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society; 11, 18, 19, 30, 32, 46, 52, 70, 74 dan 82 adalah ihsan Muzium Negara Malaysia; 24, 28, 35, 38, 54, 63, 64 dan 81 adalah ihsan Arkib Negara Malaysia manakala 11, 12 dan 16 pula adalah ihsan Perpustakaan *The Straits Times* Singapura.

Diedit oleh Norman Suratman

Ilustrasi oleh A. Rahim

© 1989 Times Books International

Times Centre
1 New Industrial Road
Singapura 1953

Tingkat 2, Wisma Hong Leong Yamaha
50 Jalan Penchala
46050 Petaling Jaya
Selangor Darul Ihsan
Malaysia

Semua hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian juga tidak dibenarkan ditiru, disimpan dalam sistem pengeluaran semula (retrieval system), ataupun dipancarkan walau melalui sebarang cara pun termasuk kaedah elektronik, mekanikal, fotokopi rakaman atau lain-lain tanpa kebenaran pihak penerbit terlebih dahulu.

Dicetak oleh Fong & Sons Printers Pte Ltd.

ISBN 9971 65 467 9

KANDUNGAN

Prakata	vii
SEJARAH AWAL	1
NEGERI JOHOR	8
NEGERI KEDAH	14
NEGERI KELANTAN	22
NEGERI MELAKA	27
NEGERI SEMBILAN	37
NEGERI PAHANG	44

NEGERI PERAK	50
NEGERI PERLIS	58
NEGERI PULAU PINANG	62
NEGERI SABAH	66
NEGERI SARAWAK	69
NEGERI SELANGOR	73
NEGERI TERENGGANU	79
BIODATA SEJARAWAN	86
BIBLIOGRAFI	90

PRAKATA


Kisah *Asal-Usul Negeri-Negeri di Malaysia* begitu berwarna-warni dan menarik sekali. Kisah-kisah ini ada kalanya diasaskan daripada peristiwa-peristiwa sejarah dan ada pula dikutip daripada cerita-cerita rakyat tempatan.

Kisah-kisah di dalam buku ini kebanyakannya dipetik daripada penulisan-penulisan tempatan dan luar negeri. Ada di antara penulis-penulis yang telah menggunakan rekod-rekod awal atau penulisan-penulisan lama di dalam bentuk kronikel, jurnal-jurnal pengembalaan dan seumpamanya lagi. Unsur-unsur bertulis seperti yang dihasilkan oleh penulis-penulis Arab, China, Parsi dan dari Barat telah banyak digunakan oleh penulis-penulis ini. Begitu juga dengan cerita-cerita rakyat yang dimuatkan di dalam penulisan-penulisan ini yang kebanyakannya telah dikutip daripada unsur-unsur tradisi lisan yang diperturunkan daripada satu generasi ke satu generasi. Unsur-unsur ini mempunyai ciri-ciri tersendiri yang melambangkan sifat dan keperibadian masyarakat tempatan.

Maklumat yang tercatat di dalam buku ini diharap akan dapat memberi pengetahuan tambahan kepada mereka yang berminat mengenai sejarah tanah air.

Di dalam menyediakan buku ini saya telah mendapat banyak bantuan daripada rakan-rakan di Arkib Negara, yang telah menyediakan bahan-bahan rujukan, menyemak fakta dan menaipkan manuskrip. Semua bantuan yang disampaikan ini saya hargai dengan seikhlasnya.

SEJARAH AWAL



Rujukan-rujukan awal mengenai Tanah Melayu kerap kali dihubungkaitkan dengan sejarah perdagangan maritim. Luasnya kawasan perdagangan itu tersebar jauh dari Laut Merah di Asia Barat hingga ke Laut China Selatan. Para pedagang Arab, Parsi, India dan China terpaksa merentasi dua lautan besar kerana hendak berdagang. Mereka bertemu dan bertukar-tukar dagangan di kawasan Kepulauan Melayu, khususnya Semenanjung Tanah Melayu.

Semenanjung itu kerap kali dilihat sebagai tempat berteduh yang sesuai dan ada kalanya sebagai suatu batasan yang menghalang laluan dagangan dari Barat ke Timur. Selama hampir dua belas kurun dalam sejarah, kawasan itu menjadi medan laluan dan rentasan bagi para pedagang Asia dan Asia Barat.

Para pedagang dari Eropah mula menyedari tentang kekayaan Kepulauan Melayu selepas kurun ke-12 dan bermula dari waktu itu sedikit demi sedikit mereka menguasai kawasan-kawasan di sekitaran kepulauan itu.

Tanah Melayu menjadi begitu penting dalam sejarah kerana ia terletak di tengah-tengah dua tamadun yang besar, iaitu India dan China. Selain daripada menjadi tempat persinggahan bagi para pedagang, pengembara dan pengembang agama, Tanah Melayu juga mempunyai hasil-hasil semulajadi seperti bijih timah dan emas, yang menjadi rebutan kepada para pedagang dan peniaga.




PLATE I
 BUITANG ISLANDS & KERIMIN'S ISLANDS

Di antara sumber-sumber mengenai negeri-negeri di Malaysia yang terdapat di kalangan sumber China ialah *Carta Wn-Pei-Chib.* – Disalin daripada Plet III *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* Vol. 15, Part 3., dengan keizinan Mails.

Pedagang-pedagang zaman dahulu belayar dengan berpandukan tiupan angin dan apabila musim monsun tiba, tempat berteduh terpaksa dicari.

Mereka mendapati kawasan-kawasan di pesisiran pantai Tanah Melayu, terutamanya di Selat Melaka yang tidak terdedah kepada angin monsun, amat sesuai. Sambil menantikan cuaca baik semula, para pedagang itu memperniagakan barang yang dibawa dari negeri masing-masing, yang ditukar dengan barang-barang di Tanah Melayu.

Ada pula yang menggunakan laluan darat di Semenanjung untuk menyeberangi pantai timur dengan menggunakan kawasan di utara Tanah Melayu, khususnya Kedah dan di sekitar Segenting Kra. Apabila berada di pantai timur, pedagang-pedagang itu akan terus belayar ke Negeri China. Dengan cara ini, banyak masa akan dapat diselamatkan, walaupun perjalanan darat juga memakan masa yang lama.

Maklumat-maklumat terperinci mengenai sejarah awal negara ini masih berkurangan. Maklumat-maklumat dari bahan bukti arkeologi setakat yang ditemui sehingga ini masih tidak mencukupi untuk memberi gambaran yang menyeluruh. Sebab utama yang menjadikan negara ini ketandusan bukti peninggalan arkeologi ialah iklim dan cuacanya. Hujan lebat yang kerap kali membanjiri kawasan-kawasan tertentu telah memusnahkan apa-apa bukti yang ada mengenai sejarah dan penempatan manusia negara ini.

Oleh kerana itu, para pengkaji sejarah terpaksa bergantung kepada unsur-unsur bertulis yang sedikit-sebanyak dapat membantu mereka dalam kajian masing-masing. Tetapi, adalah diketahui umum bahawa penulisan adalah satu fenomena baru yang hanya terdapat bagi bahan-bahan selepas kurun ke-7. Unsur-unsur itu adalah unsur-unsur luaran yang diwujudkan oleh penulis-penulis China, Arab dan lain-lain.

Unsur-unsur tempatan dalam bentuk tulisan sudah tidak ada lagi dan yang paling awal boleh digunakan ialah *Sejarah Melayu*, yang ditulis oleh Tun Sri Lanang dalam tahun 1612. Unsur Barat ada menyatakan mengenai Tanah Melayu dalam pelbagai nama, tetapi yang memberi gambaran mengenai negara ini, khususnya Melaka, dengan agak lengkap ialah *Suma Oriental*, yang ditulis oleh seorang Portugis bernama Tomé Pires dalam jangka waktu

1512-1515. Penulisan dari pelbagai unsur itu tersebar di seluruh dunia dan terdapat dalam pelbagai bahasa dan bentuk penulisan.

Unsur-unsur China, misalnya, terdapat dalam bentuk sejarah dinasti, ensaiklopedia, kronikal atau jurnal-jurnal tentang kisah pengembara dari satu dinasti ke satu dinasti yang memberi gambaran secara imbasan mengenai Tanah Melayu. Penulisan daripada pengembara-pengembara Arab dan Parsi yang bermula dari kurun ke-9 juga memberi gambaran yang samar-samar.

Dari India, walaupun terdapat perhubungan yang awal dengan negara ini, tidak banyak hasil tulisan dan maklumat yang dapat dikesan. Ada juga terdapat unsur-unsur dari Siam dan Jawa, tetapi jumlahnya tidak banyak.

Daripada kajian arkeologi dapat dirumuskan bahawa manusia telah mendiami Tanah Melayu dan Pulau Borneo semenjak zaman Palaeolitik lagi. Penemuan-penemuan arkeologi yang dikesan di Perak, Sarawak dan Sabah dapat mengesahkan kenyataan ini. Di Gua Niah, Sarawak dan Kota Tampan, Perak terdapat peninggalan-peninggalan sejarah yang membuktikan manusia moden *Homo Sapiens* tinggal di kawasan-kawasan itu lebih 35,000 tahun lalu. Di Tingkayu, Sabah juga terdapat artifek-artifek yang membuktikan penempatan manusia lebih 28,000 tahun lalu. Di samping itu, terdapat beberapa buah gua di Perlis, Kelantan dan Pahang yang membuktikan bahawa manusia telah mendiami kawasan-kawasan tersebut semenjak ribuan tahun lalu.

Semenanjung Tanah Melayu yang dikenali dalam penulisan-penulisan lama Barat sebagai "Golden Chersonese" atau Semenanjung Emas telah mengalami pelbagai proses perubahan. Semenjak zaman pra-sejarah, ia berperanan sebagai sebuah tambak raksasa, yang menemukan beberapa tamadun dan budaya dari benua Asia. Pengaruh budaya-budaya ini menyusup ke seluruh Kepulauan Melayu, termasuk Borneo hingga ke Kepulauan Pasifik dan Australia.

Dalam jangka waktu 2500 hingga 1500 Sebelum Masihi, terdapat bukti bahawa manusia-manusia yang mendiami kawasan-kawasan tertentu di Semenanjung menjalankan kegiatan bercucuk-tanam dan memelihara binatang ternakan. Masa-masa selepas jangka waktu itu memperlihatkan ciri-ciri awal ketamadunan apabila

Pengaruh budaya Dong-So'n dari tahun 250 Sebelum Masihi juga telah dapat dikesan dari peninggalan-peninggalan artifek di beberapa buah tempat di Tanah Melayu, termasuk di Kelang, Kajang, Tembeling, Kelantan dan lain-lain. (Dong-So'n adalah sebuah kampung yang terletak di tepi Sungai Song-ma di Annam, Indochina. Dalam tahun-tahun 1924 – 1927, Pajot, seorang ahli arkeologi, telah menjumpai bahan-bahan buatan besi dan gangsa di Dong-So'n. Bahan-bahan tersebut termasuklah gendang, senjata, alat-alat pertanian, pinggan-mangkuk, pasu bunga dan lain-lain artifek. Anehnya, bahan-bahan yang serupa dijumpai juga di beberapa buah negara Asia yang lain termasuk Malaysia, Indonesia dan Thailand):

Adalah dipercayai bahawa para penduduk dalam tempoh tersebut handal dalam ilmu kelautan dan sebagai pelaut, mereka telah belseyawar jauh hingga ke pantai barat India.

Penemuan-penemuan di Kuala Selingsing (Pulau Buluh), Perak membuktikan wujudnya masyarakat Melayu pra-Islam yang kebanyakannya adalah pelaut, yang berupaya membuat barang tembikar, perhiasan daripada emas, manik-manik kaca dan lain-lain.

Gambaran yang diberi mengenai Tanah Melayu di dalam fajar sejarah menunjukkan betapa pentingnya Semenanjung ini kepada para pedagang. Hasil-hasil buminya yang kaya dan hasil hutannya yang unik adalah satu tarikan kepada pedagang luar. Minat mereka kepada Tanah Melayu adalah semata-mata untuk berdagang sama ada sesama sendiri atau dengan para penduduk setempat yang terdiri daripada orang-orang Melayu asli. Kecuali pedagang-pedagang India, yang lainnya tidak berhasrat untuk menetap di Tanah Melayu.

Namun begitu, jika dilihat kembali dalam sejarah, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa kewujudan penduduk-penduduk yang datang dari luar negeri itu telah sedikit-sebanyak mempengaruhi cara hidup masyarakat setempat.

Di dalam sejarah awal Tanah Melayu banyak penekanan telah diberikan kepada kawasan pantai. Sebab utama yang boleh digarap ialah perhatian yang lebih yang telah diberikan oleh para pedagang Barat kepada kawasan ini. Adalah nyata bahawa maklumat mengenai sejarah awal di kawasan pantai timur banyak terdapat

dalam rekod-rekod unsur China dan dari penemuan-penemuan arkeologi di Tanah Melayu sendiri. Unsur-unsur China mengesahkan wujudnya bandar-bandar yang berperanan sebagai negeri di kawasan sebelah pantai timur. Rujukan kepada Kelantan, Terengganu dan Pahang sering terdapat dalam unsur-unsur ini. Penemuan-penemuan arkeologi juga membuktikan penempatan manusia secara teratur di beberapa buah kawasan. Peta Ptolemy, yang dilukis dalam kurun ke-2 juga ada merekodkan penempatan manusia di pantai timur. Dalam kurun ke-16, Tomé Pires juga memberi nama sebelas buah bandar di pantai timur, berbanding dengan hanya tiga buah di pantai barat. Oleh itu, kenyataan bahawa pantai timur tidak didiami oleh manusia dalam sejarah awal negara ini tidak boleh diterima kerana ini mungkin dibuat oleh penulis-penulis Barat yang lebih mengenali kawasan selatan Melaka dan Teluk Benggala dalam perhubungan mereka.

Dalam sejarah Tanah Melayu, sungai mempunyai peranan yang perlu diambil kira dalam menilai sejarah. Melalui sungai dan anak-anak sungai, manusia dapat masuk ke kawasan-kawasan pedalaman yang kebanyakannya tebal dengan hutan belantara. Laluan darat yang merentasi Semenanjung dari pantai barat ke pantai timur banyak menggunakan sungai. Dari kajian-kajian yang telah dilakukan dapat dikesan enam laluan penting yang pernah digunakan oleh para pedagang.

Di utara Tanah Melayu ialah Sungai Kedah, yang menghubungkan Patani; Sungai Perak juga boleh menghubungi Patani; dari Sungai Bernam pedagang-pedagang dapat sampai ke Sungai Pahang; dari Batu Pahat ke Endau dan yang termasyhur ialah laluan dari Sungai Muar ke Pahang melalui tempat yang bernama Penarikan.


Peranan sungai sebagai ejen perosak perlu juga diambil kira. Pada musim-musim hujan yang biasanya mengakibatkan berlakunya banjir, banyak perubahan berlaku pada permukaan bumi. Terdapat bukti bahawa beberapa penempatan lama di Tanah Melayu telah musnah akibat banjir-banjir besar yang berlaku dalam sejarah. Apa yang berlaku ke atas Kuala Kubu yang telah hapus ditimbas lanar, misalnya, mungkin juga telah berlaku di tempat-tempat lain lagi. Kawasan Tasik Chini, yang kini digenangi air mungkin juga telah mengalami proses yang sama. Ramai ahli arkeologi menganggarkan bahawa beberapa buah bandar besar atau pekan mungkin telah wujud di Lembah Sungai Perak, Sungai

Pahang dan lain-lain.

Rujukan-rujukan mengenai sejarah awal Pulau Borneo khususnya bagi kawasan-kawasan Sabah dan Sarawak, tidak banyak dikesan sehingga kini. Tetapi adalah diketahui umum melalui penemuan-penemuan arkeologi, bahawa manusia *Homo Sapiens* pernah mendiami kawasan Gua Niah lebih kurang 35,000 tahun lalu.

Di Sabah juga terdapat bukti-bukti sedemikian. Rujukan awal mengenai perhubungan dunia luar dengan Borneo hanya terdapat dalam tahun 631 Masihi daripada unsur-unsur China, yang mengisahkan mengenai perutusan dari Kota Batu (ibu negeri Brunei pada zaman itu) ke Negeri China. Perhubungan-perhubungan seterusnya yang dikesan daripada unsur-unsur bertulis berlaku dalam kurun ke-13.


NEGERI SEMBILAN



Nama "Negeri Sembilan" sebagai sebuah negeri adalah berasaskan kepada gabungan sembilan buah "negeri" atau "kawasan" yang luas, yang mempunyai pembesaran-pembesarnya sendiri pada suatu masa dahulu. Negeri-negeri atau kasawan-kawasan itu asalnya terdiri daripada Sungai Ujong, Naning, Rembau, Jelebu, Johor, Klang, Jelai, Ulu Pahang dan Segamat. Klang kemudian telah diberikan kepada Selangor, Jelai dan Ulu Pahang kepada Pahang dan Segamat kepada Johor.

Kawasan-kawasan di Negeri Sembilan kemudian terdiri pula daripada Sungai Ujong, Rembau, Jelebu, Johor, Ulu Muar, Inas, Gunung Pasir, Terachi dan Jempul.

Ahli-ahli sejarah membahagikan sejarah awal Negeri Sembilan kepada tiga jangka waktu, iaitu di peringkat awal apabila negeri itu dibahagikan kepada empat "negeri" atau "luak", yang termasuk Sungai Ujong, Klang, Jelebu, Johor; peringkat kedua iaitu jangka waktu pertengahan apabila keempat-empat buah "negeri" tersebut digantikan dengan sembilan buah "negeri" atau "luak" yang diperintah oleh orang-orang Minangkabau tetapi di bawah takluk Johor; dan peringkat ketiga iaitu jangka waktu moden di mana empat daripada "luak" itu telah bersatu untuk menjadi sebuah negeri berperlembagaan di bawah perintah seorang Yamtuan. Pada masa kini Negeri Sembilan dibahagikan kepada enam daerah pentadbiran iaitu Seremban, Tampin, Port Dickson, Jelebu, Rembau dan Kuala Pilah.



Peta yang menunjukkan Melaka dan sebahagian daripada Selangor, Negeri Sembilan, Johor dan Pahang dalam tahun 1875. – Sumber: Arkib Negara Malaysia.

Beberapa orang ahli sejarah berpendapat bahawa negeri yang bernama Negeri Sembilan belum wujud lagi dalam jangka waktu *Sejarah Melayu* ditulis, iaitu dalam tempoh 1612 – 1636 kerana tidak ada sebarang rujukan mengenainya. Godinho De'Eredia juga tidak menyebut nama Negeri Sembilan di dalam petanya yang dilukis dalam 1613. Di dalam jurnal Belanda, *Dagh Register*, yang dicatat sehingga tahun 1682, tidak ada sebutan mengenai Negeri Sembilan. Ramai ahli sejarah menganggap Negeri Sembilan diwujudkan oleh Raja Melewar apabila baginda ditabalkan sebagai Yamtuan Negeri Sembilan dalam tahun 1773.

Penduduk-penduduk asli Negeri Sembilan yang terdiri daripada Orang Asli boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu Biduanda (kadang-kadang dikenali juga sebagai Blandas dan Mentra), Besisi dan Jakun. Negeri Sembilan pada waktu itu mempunyai bilangan penduduk yang tidak ramai, dengan kebanyakannya mereka hidup berpindah-randah.

Hubungan Negeri Sembilan dengan Melaka bermula semenjak awal kurun ke-15 iaitu selepas Kesultanan Melaka diwujudkan. Kawasan-kawasan yang berdekatan dengan Melaka seperti Sungai Ujong, Klang, Rembau dan Naning bergantung kepada Melaka disebabkan kuasa dan kepentingannya sebagai pusat perdagangan yang terbesar di rantau ini. Melaka juga merupakan tempat persinggahan orang-orang Minangkabau, yang datang ke Tanah Melayu untuk menetap di Negeri Sembilan. Melaka mempunyai hubungan yang amat lama dan penting dengan Negeri Sembilan sehingga terdapat di dalam perbilangan adat Negeri Sembilan ungkapan “berpangkalan di Melaka”.

Sejarah Melayu menyebut perihal Sening Ujong atau Sungai Ujong sebelum zaman Sultan Mansur Shah (1458 – 1477), yang telah diperintah oleh Bendahara Tun Perak dan Tun Ali, pembesar Melaka. Keempat-empat “negeri” di Negeri Sembilan (Sungai Ujong, Klang, Jelebu dan Johor) kemudian diperintah oleh Bendahara Melaka, Tun Ali. Pada waktu itu kebanyakannya penduduk di Negeri Sembilan terdiri daripada Orang-orang Asli daripada suku Sakai. Mereka diperintah oleh orang-orang Melayu Melaka.


Sejarah juga menyebut tentang hubungan yang rapat di antara penduduk-penduduk Johor dengan Negeri Sembilan. Martin

Lister (bekas Residen Negeri Sembilan), yang pernah menulis mengenai sejarah awal Negeri Sembilan dengan berpandukan unsur tradisi lisan, menyatakan bahawa tidak dapat dipastikan bila sebenarnya penduduk-penduduk dari Sekudai, Johor pindah dan menetap di Johol. Tetapi, jumlah yang datang itu adalah ramai dan mereka hidup dengan bercucuk-tanam, terutamanya padi. Penduduk-penduduk itu diketuai oleh empat orang ketua yang terdiri daripada tiga orang lelaki dan seorang wanita. Pembesar wanita yang disebut sebagai "Neneh Kerbau" menetap di Johol. Pembesar-pembesar lelaki yang bertiga itu telah berpecah, seorang menetap di Jelebu, seorang pergi ke Klang dan seorang lagi ke Sungai Ujong. Inilah yang dikatakan asal undang yang berempat di Negeri Sembilan dengan yang tuanya bertempat di Klang.

Sejarah awal Negeri Sembilan seringkali juga menyebut mengenai Dato Sekudai yang kadang-kadang disebut juga sebagai Bendahara Sekudai atau Batin Sekudai. Pembesar-pembesar Rembau menganggap diri mereka waris daripada Dato Sekudai iaitu hasil perkahwinannya dengan anak perempuan kepada ketua penduduk-penduduk tempatan iaitu Batin Seribu Jaya atau Sibu Jaya. Undang Sungai Ujong juga menganggap dirinya keturunan daripada Batin Seribu Jaya. Ada pelbagai tarikh yang diberi mengenai Dato Sekudai. Pernah dikatakan bahawa beliau adalah datuk kepada Dato Rembau pertama yang memerintah dalam tahun 1540-an. Ada pelbagai tarikh lagi yang tidak seragam dan bercanggah yang diberi mengenai sejarahnya. Namun begitu, semua unsur sejarah mengatakan bahawa Dato Sekudai berkuasa dalam jangka waktu sebelum negeri-negeri yang sembilan buah itu wujud di Negeri Sembilan.

Nama Dato Sekudai ada disebut di dalam *Sejarah Melayu*. Dikatakan bahawa namanya demikian kerana beliau adalah orang pertama yang membuka kawasan Sekudai. Pada masa *Sejarah Melayu* selesai ditulis (1636), Dato Sekudai sudah tua dan mempunyai cucu. R.J. Wilkinson, sejarawan dan pentadbir British yang mengkhususkan pengajian mengenai Tanah Melayu dan orang Melayu, pernah membuat kesimpulan bahawa Dato Sekudai hidup dalam jangka waktu 1600 – 1640.

Penghijrahan orang-orang Minangkabau ke Tanah Melayu bermula dalam kurun ke-16, selepas kejatuhan Melaka ke tangan



Portugis dalam 1511. Dalam tahun 1613, De'Eredia, di dalam bukunya, menyatakan bahawa terdapat orang-orang Minangkabau di Naning dan Rembau. Di dalam petanya, De'Eredia tidak menunjukkan adanya penduduk-penduduk Minangkabau di Johol, Sri Menanti atau Sungai Ujong.

Dalam tahun 1639, Laksamana Belanda yang bernama Van de Veer telah mengikat perjanjian dengan Sultan Abdul Jalil II, Sultan Johor dan telah berpaktat dengannya untuk melancarkan serangan ke atas Melaka dalam tahun 1641. Melaka pada masa itu masih dikuasai oleh Portugis. Semasa serangan itu orang-orang Johor telah mula membuat perhubungan dengan orang-orang Minangkabau di Negeri Sembilan dan semenjak itu Johor telah mula mempunyai kaitan dengan kawasan-kawasan yang didiami oleh orang-orang Melayu di Negeri Sembilan.

Dalam tahun 1643, orang-orang Belanda yang sudah berkuasa di Melaka telah mewujudkan "negeri" atau "daerah" yang pertama bagi Negeri Sembilan dengan pengiktirafan Dato Sri Lela Merah sebagai raja, yang mewarisi gelaran itu bagi Naning. Ini tidak pula bermakna bahawa tidak ada raja bagi kawasan-kawasan lain. Tetapi, yang nyata ialah hak warisan mereka belum diakui oleh mana-mana kuasa.

Dalam tahun 1705, Raja Naning telah dianugerahkan "kebesaran" oleh Sultan Abdul Jalil III, Sultan Johor, serta daripada Belanda. Ini menandakan satu permulaan kepada cara pemerintahan yang turut diminati oleh raja-raja di kawasan lain. Dalam tahun 1707, Raja Rembau yang kedua telah memperolehi gelaran dan cap mohor dari Johor sebagai "pengurniaan daripada Bendahara Sri Maharaja". Tidak berapa lama selepas itu Dato Bandar Sungai Ujong (dan mungkin Penghulu Menteri atau Raja Sungai Ujong) juga telah menerima pengiktirafan yang sama. Gelaran Penghulu Menteri, yang telah lama wujud, hanya dikhaskan kepada wakil-wakil dari Johor. Gelaran itu seterusnya telah dikurniakan kepada pembesar-pembesar setempat di Negeri Sembilan. Dato Jelebu menerima pengiktirafan itu hanya dalam tahun 1760. Begitu juga dengan Dato Inas. Pada waktu itu pembesar-pembesar bagi Pasir Besar, Klang dan Segamat telah tidak disebut lagi dan telah lenyap dalam sejarah. Cap mohor mereka juga tidak dapat dikesan. Pada waktu itu juga To' Raja Jelai telah menjadi pembesar Negeri Pahang.

Dalam jangka waktu itu telah dapat dikesan adanya "Negeri Sembilan" yang terdiri daripada kawasan-kawasan tertentu yang diketuai oleh ketua-ketua atau pembesar daerah yang diakui oleh Sultan Johor. Kawasan-kawasan atau "negeri" yang dimaksudkan itu ialah Naning, Rembau, Sungai Ujong, Jelebu, Klang, Inas, Pasir Besar, Segamat dan Jelai. Negeri-negeri itu tidaklah bersekutu sebagai sebuah persekutuan tetapi semata-mata sebagai sembilan buah kawasan yang berada di bawah satu kuasa, iaitu Sultan Johor. Negeri-negeri itu juga bukanlah negeri-negeri "Minangkabau". Peraturan-peraturan Adat Perpatih telah cuba diperkenalkan di Sungai Ujong. Di daerah-daerah lain seperti Klang, Segamat atau Jelai, peraturan itu tidak diperkenalkan langsung.

Masa-masa seterusnya memperlihatkan penghijrahan orang-orang Minangkabau dengan banyaknya. Salah satu kesan yang nyata akibat penghijrahan itu ialah penolakan segala peraturan dan undang-undang Johor dan penerimaan peraturan Adat Perpatih Minangkabau. Kerajaan Johor sendiri menghadapi pergolakan dan perang saudara yang menyebabkan kawalan pertahanan di Negeri Sembilan menjadi lemah. Hal-hal seperti itu, iaitu kelemahan pemerintahan Johor, bertambahnya penduduk, desakan untuk

menggunakan Adat Perpatih, adanya kawasan-kawasan baru dan ketua-ketua kaum yang baru telah mengakibatkan terputusnya pertalian antara Negeri Sembilan dengan Johor.

Dengan pergolakan politik di Johor, keadaan di Negeri Sembilan sering tidak tenteram dengan adanya pula gangguan daripada pihak Bugis, yang berjaya menguasai beberapa kawasan di Negeri Sembilan. Keadaan ini telah mendorong penghulu-penghulu di Negeri Sembilan memohon kepada Sultan Johor untuk mendapatkan seorang putera raja untuk mentadbir negeri mereka. Johor sendiri tidak dapat membantu dan sebaliknya telah memberi kuasa kepada penghulu-penghulu Negeri Sembilan mendapatkan seorang anak raja dari Sumatera. Orang-orang Minangkabau di Sumatera telah memberikan Raja Melewar dari Pagar Ruyung. Apabila sampai di Negeri Sembilan, angkatan Raja Melewar terpaksa bertempur dengan orang-orang Bugis yang diketuai oleh Daeng Kemboja yang mengaku dirinya sebagai Raja Negeri Sembilan. Pihak Bugis kemudiannya tewas dan Raja Melewar telah ditabalkan sebagai Yamtuan Negeri Sembilan oleh keempat-empat Undang di Penjis, Rembau dalam tahun 1773.

Biodata Sejarawan

1. Gaspar Correia

Dilahirkan dalam sekitar 1495 di Portugal. Mendapat pendidikan di Paco. Kemudian menjadi anak kapal di Raja. Menjadi penulis/pendaftar kepada Gabenor Alfonso de Albuquerque di India. Selepas itu beliau menjadi pengurus di Sofala sebelum menjawat jawatan Pengutip Cukai di Raja, di Pejabat Kastam Cochin. Beliau ialah pengarang *Lendas ou Crônica dos Feitos da India*, yang ditulisnya dalam tahun 1551 dan diterbitkan dalam tahun 1858 oleh Academia de Ciencias (Akademi Sains). Beliau meninggal dunia dalam sekitar 1565 di Melaka.

2. João de Barros

Dilahirkan sekitar 1496 di Viseu, Portugal. Mendapat pendidikan di kediaman di Raja Dom Manuel I. Pernah menjadi budak jaga pakaian Putera Dom João. Dilantik menjadi Kapten Kotakubu São Jorge di Mina, dalam 1521. Menjadi Bendahari di Casa da India (Rumah India) 1525 – 1528 sebelum menjadi pengurus di tempat yang sama (1532 – 1567). Antara hasil penulisan beliau ialah *Décadas da Ásia*. Barros meninggal dunia di Pombal pada 20 Oktober 1570.

3. Diogo de Couto

Dilahirkan di Lisbon, Portugal dalam tahun 1542. Menerima pendidikan daripada kumpulan “Jesuit” dan “Dominican”. Anak murid kepada Tom Frei Bartolomew dos Martires di São Domingos de Benfica. Pernah menjadi budak jaga pakaian Putera Dom Luis dan Dom João III. Kemudian menjadi serdadu, kerani dan saudagar di India. Menjadi ketua pengawal Arkib di Raja Goa. Raja Felipe I melantik beliau sebagai Ketua Pengarang di India untuk menyambung penulisan *Decades de Joás de Barros*. Meninggal dunia pada 10 Disember 1616 di Goa, India.

4. George Coedés

Lahir di Paris dalam tahun 1886. Pernah berkhidmat di Vietnam dan Thailand. Dalam tahun 1968, beliau menulis *The Indianized States of Asia*. Beliau telah membuat kajian mendalam tentang sejarah awal Kelantan dan pengaruh Hindu-Buddha dalam konteks Asia Tenggara.

5. J. Maxwell Hall

Dilahirkan dalam tahun 1884. Pegawai kanan di Chartered Company (1904 – 1935). Bertugas sebagai Residen di Pantai Barat Sabah dari 1931 hingga 1934. Dilantik Hakim Besar di Borneo Utara (Sabah) sebelum Perang Dunia Kedua dan memegang beberapa jawatan penting yang lain seperti mempengerusikan War Crimes Court di Labuan selepas pendudukan Jepun. Antara makalah yang ditulisnya ialah “Kinabalu Guerillas”, “Labuan Story”, “Makan Siap” dan lain-lain untuk majalah tri-wulan *Kinabalu*.

6. Henry Keppel (1809 – 1904)

Mula bertugas dengan Angkatan Tentera Laut sebagai nakhoda dalam tahun 1822. Terkenal sebagai nakhoda *HMS Dido*, yang dalam tahun-tahun 1840-an telah melancarkan serangan besar-besaran ke atas kumpulan-kumpulan lanun di perairan wilayah Borneo, dengan kerjasama James Brooke. Beliau turut membantu menghapuskan perdagangan hamba di Afrika Barat. Buku tulisan beliau berjudul *Expedition to Borneo*.

7. Tom Harrison (1911 – 1976)

Ahli ekologi dan zoologi. Pernah berkhidmat dalam pasukan payung terjun di Borneo (1943 – 1946). Kemudian beliau dilantik menjadi ahli etnologi dan kurator Muzium Sarawak (1947 – 1967). Dianugerahkan “Queen’s Gold Medal” bagi penerokaan Borneo dan “Prince Philip Royal Society Medal” bagi kerja-kerja arkeologi di Gua Niah, Sarawak. Beliau juga pernah menjadi profesor pelawat di beberapa buah universiti di England (1967).

8. Anker Rentse (1896 – 1950)

Berasal dari Denmark. Dalam tahun 1924, beliau berkhidmat di Mount Austin Estate, Johor. Dalam 1927, menjadi pengurus Kuala Hau Estate, Kelantan. Kemudian dilantik menjadi pegawai kerajaan di Jabatan Parit dan Tali Air, Kelantan. Dalam zaman pendudukan Jepun, beliau berkhidmat di Singapura, Australia dan India. Selepas Perang Dunia Kedua, beliau menyambung perkhidmatannya dengan memegang beberapa jawatan dalam kerajaan Negeri Kelantan. Beliau banyak menjalankan kajian tentang kebudayaan dan sejarah Negeri Kelantan.

9. Dr. H.G. Quaritch Wales (1900 – 1982)

Mendapat pendidikan di Universiti Cambridge, England. Berkhidmat sebagai guru Sains di Siam (1924 – 1928). Dalam 1934 – 1940, Dr. Wales telah mengelilingi India dan beberapa buah negara Asia Tenggara untuk menjalankan kerja-kerja kajipurba dan arkeologi. Beliau diberikan peruntukan wang oleh kerajaan Kedah, Perak dan Johor untuk menjalankan kajian yang serupa dalam 1937 – 1940. Beliau banyak mengesan kuil-kuil Hindu dan Buddha, terutamanya di sekitar Kedah Peak dan sepanjang Sungai Merbok dan Muda.

10. Francois Valentijn (1666 – 1727)

Pengarang Belanda dan pengembang agama Kristian yang banyak menulis tentang Melaka dan Jawa. Buku beliau berjudul *Oud en Nieuw Oost Indien* (1724).

11. G. Coedés

Lahir di Paris dalam tahun 1886. Ahli arkeologi dan penulis Perancis yang mengkhususkan kajian mengenai Asia Tenggara. Buku karangan beliau berjudul *The Indianized States of Asia*.

12. Winstedt, Richard Olof

Lahir dalam 1878. Sejarawan, bekas pegawai tadbir British yang menumpukan kajian seumur hidupnya mengenai orang Melayu dan segala aspek kebudayaan Melayu. Dalam tempoh 1916 – 1931, beliau banyak memberi sumbangan dalam bidang pendidikan

terutamanya di sekolah-sekolah Melayu. Dalam tahun 1922, beliau berusaha ke arah penubuhan Maktab Latihan Sultan Idris, Tanjung Malim. Memegang jawatan pengarah pendidikan (1924 – 1931) dan bersara dalam tahun 1935. Tulisan beliau termasuklah *Malay Grammar* (1913) dan *Kitab Tawarikh Melayu* (1918).

13. R.J. Wilkinson (1867 – 1941)

Sejarawan dan bekas pegawai tadbir British yang turut mengkhususkan kajiannya mengenai Tanah Melayu dan orang Melayu. Beliau mengarang *Kamus Besar Melayu-Inggeris*, yang diterbitkan dalam tahun 1901 – 3. Dalam 1899 – 1900, beliau telah mencetak dua penggal daripada kitab sejarah *Bustanu'l-Salatin*. Beliau juga telah menetapkan kaedah ejaan Rumi dalam 1902. Telah membuka jalan yang luas bagi pengajian Melayu khususnya dan penyelidikan amnya. Telah menubuhkan Kolej Kuala Kangsar.

14. Ma Tuan Lin (1250 – 1325)

Seorang sejarawan China yang telah membawa pendekatan baru dalam penulisan sejarah. Dalam tahun 1317, beliau telah mengarang ensiklopedia *Wên Hsien Tung Kao* yang mengandungi 48 bab. Beliau telah menulis tentang negeri "Ko-lo" atau "Ko-lo Fu-shalo", yang dipercayai merujuk kepada Kelantan.

15. Paul Wheatley

Lahir di England dalam tahun 1921. Bidang pengkhususannya ialah Kajian Luar Bandar (Universiti Liverpool dan Universiti London). Pernah menjadi pensyarah dalam bidang geografi di beberapa buah universiti termasuk Universiti Malaya, Universiti California dan Universiti Chicago. Minat beliau ialah dalam bidang geografi sejarah. Beliau mengarang *The Golden Khersonese (Studies in the Historical Geography of the Malay Peninsula before A.D. 1500)*, *The Malay Peninsular in Ancient Times, From Court to Capital, Singapore: the Management of Success* dan lain-lain lagi.

16. Dr Linehan

Lahir pada 6 Ogos 1892. Selepas bersara beliau berkhidmat sebagai Pengarah Muzium-Muzium di Malaya (1949 – 1951).

Bibliografi

UMUM

1. Braddel, R. *Notes on Ancient Times Malaya*, JMBRAS 1949 Vol. 22 Pt I-IV.
2. Braddel, R. *The Study of Ancient Times in the Malay Peninsula and Straits Malacca*, JMBRAS Reprint No. 7, 1980.
3. Cortesão, Armando. *The Suma Orinetal of Tomé Pires and The Book of Francisco Rodrigues*, 1944.
4. Durai Raja Singam, S. *Malayan Place Names*, 1957.
5. Gerini, Colonel. *Researches on Ptolemy's Geography of Eastern Asian*, 1909.
6. *Journel of Indian Archipelego*, 1847 (Nos) – 1852 (No. 6), 1859 (No. 12).
7. Newbold. *Political and Statistical Account of the British in the Straits of Malacca*, 1839.
8. Wheatley, Paul. *The Golden Khersonese*, 1957.
9. Winstedt, R.O. *A History of Malaya*, 1934.
10. Winstedt, R.O. *Sejarah Melayu (edited)*, 1938.

JOHOR

1. Buyong Adil, Haji. *Sejarah Johor*, 1971.
2. Onn bin Jaafar. *Selamat Johor*, 1935.
3. *The State of Johore, Malaya*, 1939.

KEDAH

1. Blagden, C.O. *A Buddhist Votive Tablet*, JSBRAS 1903, 1904.
2. Buyong Adil, Haji. *Sejarah Kedah*, 1980.
3. Hamilton, A.W. *The Old Kedah - Patani Trade-Route*, JSBRAS, 1922.
4. *Hikayat Marong Mahawangsa*, 1916.
5. Linehan, W. *Langkasuka: The Island of Asoka*, JMBRAS Vol. XXI, 1948.
6. Muhammad Hassan bin Dato Kerani Muhammad Arshad. *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, 1968.
7. Wales, H.G. Quaritch. *Archeological Researches on Ancient Indian Colonisation in Malaya*, JMBRAS Vol. XVIII, Pt. 1, 1940.
8. Winstedt, R.O. *Did Pasai Rule Kedah in the XIV Century?* JMBRAS Vol. XVIII Pt. II, 1940.
9. Winstedt, R.O. *The Kedah Annals*, JMBRAS Vol. XVI, 1938.

10. Winstedt, R.O. *Kedah Laws*, JMBRAS Vol, VI, 1928.
11. Wurtzburg, C.E. *A Brief Account of the Several Countries Surrounding Prince of Wales Island with their Production*, JMBRAS Vol. XVI, 1938.

KELANTAN

1. Bee, Reginald J. *Some Kelantan Place Names*, JMBRAS Vol. XI Pt. II, 1933.
2. Perayaan Kemakkotaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Ismail Petra ibni Almarhum Sultan Yahya Petra, Sultan dan Yang di Pertuan bagi Negeri Kelantan Darul Naim dan Jajahan Takluknya.
3. Rentse, Anker. *History of Kelantan*, Pt. I, JMBRAS Vol. XII Pt. II, 1934.
4. *Souvenir Coronation Celebrations of H.H. Tuanku Yahya Petra ibni Almarhum Sultan Ibrahim, Sultan of Kelantan*, 1961.

MELAKA

1. Buyong Adil, Haji. *Sejarah Melaka*, 1973.
2. Callenfels, P.V. van Stein. *The Founder of Malacca*, JMBRAS Vol. XII Pt. II, 1937.
3. Cardon, Rev. Fr. R. *Portuguese Malacca*, JMBRAS Vol. XII Pt. II, 1934.
4. Harvey, D.F.A. *Valentyn's Description of Malacca*, JMBRAS 1884, 1885.

5. Mills, J.V. *Malaya in the Wu-Pei-Chib Charts*, JMBRAS Vol. XV Pt. III, December 1937.
6. Wilkinson, R.J. *Early Indian Influence in Malaysia*, JMBRAS Vol. XIII Pt. II October 1935.
7. Wilkinson, R.J. *The Fall of Malacca*, JMBRAS Vol. XIII Pt. II, October 1935.
8. Wilkinson, R.J. *The Malacca Sultanate*, JMBRAS Vol. XIII Pt. II, October 1935.

NEGERI SEMBILAN

1. Abdul Samad Idris. *Takhta Kerajaan Negeri Sembilan*, 1961.
2. Pertabalan DYMM Tunku Jaafar ibni Almarhum Tuanku Abd. Rahman, DYMM Yang di Pertuan Besar Negeri Sembilan, 1968.
3. Wilkinson, R.J. *Notes on Negeri Sembilan*, IV, 1911. *Papers on Malay Subjects, 1907 – 1916 – edited by P.L. Burns*, 1971.
4. Winstedt, R.O. *Negeri Sembilan, the History, Polity and Beliefs of the Nine States*, JMBRAS Vol. XII, 1934.

PERAK

1. Adnan Hj. Nawang. *Perak Dahulu dan Sekarang*, 1988.
2. Buyong Adil, Haji. *Sejarah Perak*, 1981.
3. Cenderamata Pertabalan DYMM Sri Sultan Idris Al-

Mutawakkil Alallah Shah ibni Almarhum Sultan Iskandar Shah Kadda Salleh, Sultan dan Yang diPertuan Negeri Perak Darul Ridzuan dan Jajahan Takluknya, 1963.

4. M.A. Fawzi Basri. *Cempaka Sari – Sejarah Kesultanan Negeri Perak*, 1986.
5. Maxwell, W.E. *The History of Perak from Native Sources*, JSBRAS, 1884 No. 14.
6. Pertabalan DYMM Paduka Seri Sultan Azlan Muhibbuddin Shah ibni Almarhum Sultan Yussuff Izzuddin Ghafarullahulahib Shah, Sultan, Yang di Pertuan dan Raja Pemerintah Negeri Perak Darul Ridzuan, 1985.
7. Winstedt, R.O. & Wilkinson, R.J. *A History of Perak*, JMBRAS Vol. XII Pt. I, 1934.

PULAU PINANG

1. Cullin, E.G. & Zehnder, W.F. *The Early History of Penang, 1592 – 1827*, Penang, 1905.
2. *Penang – Past and Present 1786 – 1963*, City Council of George Town, Penang, 1966.

PERLIS

1. Buyong Adil, Haji. *Sejarah Perlis*, 1980.

PAHANG

1. *Hikayat Pahang*.

2. Linehan, W. *A History of Pahang*, JMBRAS Vol. XIV Pt. III, 1936.
3. Sheeshan, J.J. *17th Century Visitors to the Malay Peninsula*, JMBRAS Vol. XII, Pt. II, 1934.

SARAWAK

1. Buyong Adil, Haji. *Sejarah Sarawak*, 1981.
2. Hoebel, Robert. *Sarawak*, 1986.

SABAH

1. Buyong Adil, Haji. *Sejarah Sabah*, 1981.
2. Harrison, Tom & Barbara. *The Prehistory of Sabah*, 1971.

SELANGOR

1. Buyong Adil, Haji. *Sejarah Selangor*.
2. Cenderamata Keputeraan DYMM Sultan Selangor, 1979.
3. Gullick, J.M. *A Careless Heathen Philosopher*, JMBRAS Vol. XXVI Pt. I, 1953.
4. Mohd. Yusuff Hashim, *25 Tahun Pemerintahan DYMM di atas takhta Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan, (1960 - 1985)*, 1985.
5. *Sejarah Kenangan DYMM Sultan Selangor*, 1959.

96 Asal-Usul Negeri-Negeri di Malaysia

6. *Sentosa Ketakhtaan Selangor 1898 – 1937*, 1938.
7. Winstedt, R.O. *A History of Selangor*, JMBRAS Vol. XII Pt. III, 1934.

TERENGGANU

1. Buyong Adil, Haji. *Sejarah Terengganu*, 1974.
2. *Buku Cenderamata Perayaan Genap 25 Tahun Pemerintahan DYMM Tunku Ismail Nasrudin Shah ibni Al Sultan Zainal Abidin, Sultan dan Yang di Pertuan bagi Negeri Terengganu serta Jajahan Takluknya 1970*, 1970.
3. Marriot, H. *A Fragment of the History of Trengganu and Kelantan*, JSBRAS, 1915.
4. *Pertabalan DYMM Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah ibni Almarhum Tuanku Al-Sultan Ismail Nasiruddin Shah, Sultan dan Yang di Pertuan bagi Negeri Trengganu serta segala Jajahan Takluknya*, 1981.
5. Shahril Talib. *After its Own Image – The Trengganu Experience 1881-1941*, 1983.
6. Sheppard, M.C. *A Short History of Trengganu*, JMBRAS Vol. XXII Pt. III, 1949.